


Untuk Perkhidmatan	
PUNYI	6/3/3
PUNYI	1/3/3
P. K. A.	1/3/3
PEMBANTU PEJABAT	1/3/3

114-



NEGERI JOHOR



# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 35  
No. 4

14hb. Februari, 1991

TAMBAHAN No. 3  
PERUNDANGAN

J. P.U. 14.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA  
PERSENDIRIAN (MALIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH) 1988

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang  
Kecil:

1. Nama dan Pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Lesen dikehendaki.
4. Fee bagi pemegang lesen.
5. Budibicara Yang Dipertua.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
7. Kebersihan.
8. Perubahan dan tambahan.
9. Halangan.
10. Kegunaan lain tidak dibenarkan.
11. Pencahayaan.
12. Keselamatan.
13. Pencegahan kebakaran.
14. Kuasa untuk memasuki.
15. Pengecualian.
16. Penalti.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA  
PERSendiriAN (MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH) 1988

Akta 171.	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (a) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:
Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.	1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) 1988 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan dalam <i>Warta Kerajaan</i> .
Tafsiran.	2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— “Lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan di tempat meletak kereta untuk meletak satu kenderaan bermotor; “Majlis” ertinya Majlis Daerah Johor Bahru Tengah; “Orang” termasuklah sesuatu Syarikat atau Badan Berkanun atau Persatuan atau Kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan; “Tempat letak kereta persendirian” ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Majlis atau Kerajaan dan digunakan untuk meletak sepuluh buah kenderaan motor atau lebih, dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan tertakluk kepada bayaran fee sama ada bagi setiap jam atau selainnya; “Yang Dipertua” bermakna Yang Dipertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.
Lesen dikehendaki.	3. Tiada seseorang boleh menjalankan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika ia memiliki lesen yang sah yang di benarkan bagi maksud itu di bawah undang-undang kecil ini.
Fee bagi pemegang lesen.	4. (1) Fee yang kena dibayar untuk mendapatkan atau mem-baharui sesuatu lesen hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual. (2) Sesuatu lesen melainkan digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31hb. Disember, berikutan tarikh permulaan lesen itu dan boleh dibaharui pada atau sebelum tarikh habis tempohnya. (3) Sesuatu lesen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain dan pemegang lesen tidak boleh mengendalikan melalui mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu.
Pemberian, pengantungan dan pem-batalan lesen.	5. Pemberian sesuatu lesen hendaklah menurut budibicara Majlis dan Majlis boleh menggantung mana-mana lesen bagi apa-apa masa yang difikirkan perlu atau membatalkan mana-mana lesen yang telah diberi mengikut undang-undang kecil ini.
Permohonan untuk mendapatkan lesen.	6. Permohonan untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan so-suatu tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis berserta dengan pendua pelan menunjukkan tempat dimensi dan muatan tempat letak kereta itu.

7. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga tempat letak kereta persendirian-nya supaya dalam keadaan bersih setiap masa. Kebersihan.  
 (2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan bekas sampah yang cukup di tempat letak kereta persendirian-nya.
8. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan jumlah lot letak kereta dalam lingkungan tempat letak kereta persendirian-nya kecuali dengan kelulusan bertulis Majlis terlebih dahulu. Perubahan dan tambahan.
9. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk menjamin bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang kelicinan lalulintas di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendirian-nya. Halangan.
10. Pemegang lesen hendaklah tidak mengguna atau membenarkan digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendirian-nya bagi apa-apa maksud lain selain daripada untuk meletak kenderaan motor kecuali dengan kelulusan bertulis Majlis terlebih dahulu. Kegunaan lain tidak dibenarkan.
11. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup dan, jika tempat letak kereta persendirian itu bertutup, peredaran udara yang cukup di tempat letak kereta persendirian-nya hingga memuaskan hati Majlis. Pencahayaan.
12. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi oleh Majlis dan pihak Polis untuk memastikan bahawa keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendirian-nya. Keselamatan.
13. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa di tempat letak kereta persendirian-nya— Pencegahan kebakaran.  
 (a) Kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Majlis;  
 (b) tangga dan jalan keluar dikendalikan dengan sempurna;  
 (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan; dan  
 (d) tiap-tiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.
14. Majlis, mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya atau pihak Polis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi maksud menentukan sama ada— Kuasa untuk memasuki.  
 (a) tanah atau premis itu sedang digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa lesen yang sah yang diberi berkenaan dengannya; atau  
 (b) suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan.
15. Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan atau kategori orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini atau mengenyepikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat Undang-undang Kecil ini atau menggantikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat ini sebagaimana yang difikirkan patut. Pengecualian.

Penalti.

16. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak melebihi daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

## JADUAL

Undang-Undang Kecil 4 (1)

FEE LESEN TAHUNAN

<i>Bilangan lot letak kereta bagi satu tempat letak kereta</i>	<i>Fee kena dibayar \$</i>
10 — 50 ... ..	125.00
51 — 100 ... ..	250.00
101 — 200 ... ..	500.00
201 — 300 ... ..	750.00
301 — 400 ... ..	1,000.00
401 — 500 ... ..	1,200.00
501 ke atas ... ..	1,500.00

Diperbuat oleh Majlis Daerah Johor Bahru Tengah di dalam mesyuarat pada 30hb. Ogos, 1988.  
[MDJBT (PENT) 28/.]

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 24hb. April, 1989.  
[K.T. 24/69/10.]

PEMANGKU MENTERI BESAR,  
JOHOR

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS  
(JOHOR BAHRU TENGAH DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1988

ARRANGEMENTS OF BY-LAWS

By-Laws:

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Licence required.
4. Fee of Licence.
5. Discretion of President.
6. Application for licence.
7. Cleanliness.
8. Alteration and addition.
9. Obstruction.
10. Other uses not permitted.
11. Lighting.
12. Security.
13. Fire prevention.
14. Power of entry.
15. Exemption.
16. Penalty.

- Cleanliness.** 7. (1) Every licensee shall keep his private car park clean at all times.
- (2) Every licensee shall provide adequate refuse receptacles in his private car park.
- Alteration and addition.** 8. The licensee shall not increase or reduce the number of car parking lots within his private car park except with the prior written approval of the Council.
- Obstruction.** 9. The licensee shall take adequate measures to ensure that no vehicle is parked in any manner so as to obstruct the free flow of traffic inside or in the vicinity of his private car park.
- Other uses not permitted.** 10. The licensee shall not use or permit to be used any part of his private car park for any purpose other than for the parking of motor vehicles except with the prior written approval of the Council.
- Lighting.** 11. The licensee shall provide adequate lighting and, if it is a covered private car park adequate ventilation to the satisfaction of the Council.
- Security.** 12. The licensee shall comply with all instructions given by the Council and the police to ensure that adequate security is provided in his private car park.
- Fire prevention.** 13. The licensee shall ensure that in his private car park—
- (a) adequate fire fighting equipment is installed to the satisfaction of the Council;
  - (b) staircase and exits are properly maintained;
  - (c) all staircase, passages, landings and exits are kept clear of all obstructions; and
  - (d) every door is so constructed and fitted as to be readily opened.
- Power of entry.** 14. The Council, any of its authorised officers or the police may at any time enter any land or premises for the purpose of ascertaining whether—
- (a) the land or premises is or are being used as a private car park without a valid licence granted in respect thereof; or
  - (b) an offence under these By-Laws has been committed.
- Exemption.** 15. The Council may exempt any person or class or category of person from all or any of the provisions of these By-Laws or waive any or all of the conditions for these By-Laws or substitute for any or all of these conditions as he may consider fit.
- Penalty.** 16. Any person who contravenes any of the provision of these By-Laws is guilty of an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS  
(JOHOR BAHRU TENGAH DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1988

In exercise of the powers conferred by section 102 (a) of the Local Government Act 1976, the Johor Bahru Tengah District Council, makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws: Act 171.

1. These By-Laws may be cited as the Licensing of Private Car Parks (Johor Bahru Tengah District Council) By-Laws 1988 and shall apply only to the Johor Bahru Tengah District Council area and shall come into force on the day published in the Government Gazette. Citation and application.
  
2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires— Interpretation.
  - “Council” means the Johor Bahru Tengah District Council;
  - “Parking lot” means the space marked out in parking place for the parking of one motor vehicle;
  - “Person” includes a company or statutory body or association or body of persons corporate or unincorporated;
  - “Private car park” means any land or premises or part thereof owned or occupied by any person other than the Council or Government and used for the parking of ten or more motor vehicles, and to which any member of the public is admitted to park any vehicle subject to the payment of a fee whether hourly or otherwise;
  - “President” means the President of the Johor Bahru Tengah District Council.
  
3. No person shall operate a private car park unless he is in possession of a valid licence granted for that purpose under these By-Laws. Licence required.
  
4. (1) The fee payable for the grant or renewal of a licence shall be as set out in the Schedule. Fee for licence.
  - (2) A Licence shall unless sooner suspended or revoked remain in force until the 31st day of December next following the date of commencement of the licence and may be renewed on or before the date of expiry.
  - (3) A licence shall not be transferred to any other person and no licensee shall operate through any other person except with the prior written consent of the Council.
  
5. The granting of a licence shall be at the discretion of the Council and the Council may suspend for such period as it may consider necessary or revoke any licence granted under these By-Laws. Granting, suspension and revocation of licence.
  
6. An application for a licence to operate a private car park shall be made in writing to the Council in such form as the Council may determine accompanied by a plan in duplicate showing the location, dimensions and capacity of the car park. Application for licence.

SCHEDULE  
By-laws 4 (1)  
ANNUAL LICENCE FEES

No. of parking lots per car park	Fees payable \$
10 — 50	125.00
51 — 100	250.00
101 — 200	500.00
201 — 300	750.00
301 — 400	1,000.00
401 — 500	1,200.00
501 and above	1,500.00

Made by the Johor Bahru Tengah District Council in the meeting on the 30th day of August, 1988.  
[MDJBT (PENT) 28/.]

PRESIDENT OF THE  
JOHOR BAHRU TENGAH DISTRICT COUNCIL

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 24th day of April, 1989.  
[K.T. 24/69/10.]

PEMANGKU MENTERI BESAR,  
JOHOR

**J. P.U. 15.**

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERINTAH LALULINTAS JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT-TEMPAT LETAK KERETA) (MAJLIS DAERAH KULAI) 1989**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 72, Akta Pengangkutan Jalan, Majlis Daerah Kulai (kemudian daripada ini disebut 'Majlis') dengan persetujuan Menteri dengan ini membuat Perintah yang berikut—

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kulai) 1989 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

*Akta 331.*  
Nama dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Perintah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"atendan letak kereta" artinya seseorang yang dilantik di bawah perenggan 5 dan termasuklah seseorang yang diberikuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menyelia mana-mana daripada tempat-tempat letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual-Jadual bersama ini dan juga untuk memungut bayaran-bayaran meletak kereta;